

Mahasiswa UTHM sertai khidmat masyarakat

4. Malaysia

19/1/2011

BATU PAHAT 18 Jan. – Seramai 12 pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menyertai aktiviti khidmat masyarakat menerusi program ‘Celik IT’ untuk murid-murid sekolah rendah di sekitar Kampung Linau Kecil, Bukit Pasir, di sini kelmarin.

Pegawai Teknologi Maklumat di Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat UTHM, Mohd. Hatta Mohamed Ali berkata, program itu bertujuan memberi pendedahan tentang penggunaan teknologi multimedia kepada murid-murid khususnya mereka yang tinggal di kampung.

“Kita juga memberi penekanan tentang kepentingan menguasai teknologi maklumat dalam dunia global yang penuh persaingan kepada murid-murid ini supaya mereka tidak

ketinggalan.

“Pelajar-pelajar UTHM yang memberi bimbingan dalam program ini terdiri daripada ahli Kelab Sains Komputer dan Teknologi Maklumat,” katanya kepada pemberita.

Program Celik IT itu adalah sebahagian daripada aktiviti dalam Majlis Jalinan Mesra Keluarga Bukit Pasir yang diadakan di Sekolah Agama Bukit Pasir, Kampung Linau Kecil.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penggaran, Koh Chee Chai dan Setiausaha UMNO Bahagian Batu Pahat, Roslan Saad.

Mohd. Hatta berkata, program itu juga dapat mengasah minat dan kreativiti murid-murid khususnya dalam bidang multimedia.

Dalam masa sama, katanya, pelajar-pelajar

UTHM juga dapat mencurahkan bakti dan pengetahuan kepada murid-murid yang tinggal di kawasan kampung.

Menurut Mohd. Hatta, pelajar-pelajar UTHM sangat teruja untuk menyertai program itu dan sanggup membawa komputer riba sendiri untuk memberi bimbingan kepada murid-murid.

Beliau berkata, program Celik IT itu juga akan diperluaskan kepada golongan wanita dan suri rumah khususnya di luar bandar bagi menjana pendapatan golongan tersebut.

Katanya, penguasaan teknologi maklumat membolehkan golongan itu memasarkan produk jualan terutamanya berkaitan industri kecil dan sederhana (IKS) menerusi Internet yang mempunyai pasaran luas.